

Perarakan berjubah UMSKAL

BH 17.11.2013 4

Labuan: Naib Canselor Universiti Malaysia (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengetuai majlis perarakan berjubah graduan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Ke-3 dari Menara Perbadanan Labuan ke Padang Dataran Labuan.

Perarakan sejauh satu kilometer (km) itu yang diadakan sempena Konvokesyen UMS kali ke-15 pada akhir bulan ini, disertai lebih 180 orang termasuk Timbalan Naib Canselor UMS iaitu Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-

Haj (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sharil Yusof (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof Madya Datuk Dr Md Kassim Mansur.

Selain itu, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Ahli Senat dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali serta pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) yang diketuai Prof Madya Dr Syed Nasirin selaku dekan sekolah itu dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan

(SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Ketibaan rombongan UMS di Dataran Labuan disambut Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus yang juga Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman.

Dalam ucapannya, Mohd Harun berkata perarakan selama 40 minit itu adalah satu simbolik perjalanan jauh seorang pelajar untuk memperoleh segulung ijazah.



Mohd Harun (dua dari kanan) **mengetuai majlis perarakan berjubah graduan UMS** sambil Ismail (depan) membawa skrol perarakan dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan. [FOTO AZRI ONN/BH]